

01 FEB 2000

Mahathir-Citroen

CITROEN BERMINAT TERUSKAN USAHASAMA DENGAN PROTON, KATA DR MAHATHIR

SEPANG, 1 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata syarikat pembuat kenderaan Perancis, Citroen berminat meneruskan kerjasama dengan pengeluar kereta nasional Proton.

Dr Mahathir berkata perkara itu disuarakan oleh presiden Citroen dalam perjumpaan mereka minggu lepas.

"Saya berjumpa dengan presiden Citroen dan dia memberikan pendapat berkenaan kerjasama yang ada. Saya sedar Proton mempunyai pendapat yang berbeza," katanya kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa KL sekembalinya daripada bercuti selama tiga minggu di luar negara.

Dr Mahathir berkata beliau akan memaklumkan tentang hasil perjumpaan itu kepada Proton.

Dalam perjanjian yang ditandatangani pada 1997, Citroen bersetuju mengadakan kerjasama teknikal dengan Proton bagi mengeluarkan sebuah kereta nasional baru berdasarkan spesifikasi asal Citroen Saxo, sejenis kereta kompak yang sama jenis dengan Proton Tiara. Tiara dikeluarkan pada 1996.

Semasa bercuti selama tiga minggu di luar negara, Dr Mahathir turut menemui Presiden Perancis Jacques Chirac di Paris dan mereka membincangkan isu yang berkaitan dua hala dan antarabangsa.

Ketika mengulas mengenai perhubungan mesra di antara Kuala Lumpur dan Paris, beliau berkata ia tidak harus disalahtafsir oleh kuasa-kuasa besar kerana Malaysia juga bersedia menjalin hubungan erat dengan mereka.

Beliau berkata Perancis nampaknya lebih simpati terhadap pandangan Malaysia dan ini semestinya merapatkan hubungan kedua-dua buah negara.

"Sudah tentu kita mengambil kesempatan itu untuk melahirkan pendapat kita mengenai beberapa isu antarabangsa termasuk perkara kewangan menerusi Perancis," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau berpuas hati dengan perkembangan ini kerana Perancis, sebagai anggota G7, juga bersedia menyampaikan pendapat Malaysia kepada anggota lain dalam perkumpulan itu yang terdiri daripada negara-negara terkaya di dunia.

Beliau berkata Malaysia juga menjalin hubungan erat dengan Jepun, yang merupakan satu lagi negara anggota G7.

Dr Mahathir juga menghuraikan keputusannya untuk tidak menghadiri Forum Ekonomi Dunia di Davos, Switzerland.

Menurutnya, beliau pada asalnya dijadual menyampaikan ucapan dasar pada forum itu tetapi program itu diubah untuk memberi laluan kepada kehadiran pemimpin dunia yang lain.

Dr Mahathir berkata beliau kemudian diminta mengambil bahagian sebagai anggota panel semasa satu sesi bersama-sama pengurus dana George Soros, yang perdana menteri persalahkan kerana menyumbang kepada krisis ekonomi di Asia Timur pada 1997.

Semasa di London, Dr Mahathir berkata beliau turut dihubungi oleh rakan sejawatannya dari Britain Tony Blair.

-- BERNAMA

MAM AR AKD